

Headline	Menilai kesihatan, kecederaan pokok		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	21T023	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	2309 cm ²
Journalist	MOHDI AIDIL YUSOF	AdValue	RM 59,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 179,766



K **2**

MENYELAMI HIDUP ANDA

Kosmo! • SELASA 23 OKTOBER 2018

Ikuti kami di [Kosmo.Online](#)

ARBORIS DOKTOR POKOK BERTAULIAH

> Lihat muka **22 & 23**

Headline	Menilai kesihatan, kecederaan pokok		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	21T023	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	2309 cm ²
Journalist	MOHDI AIDIL YUSOF	AdValue	RM 59,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 179,766



Oleh **MOHD. AIDIL YUSOF**
Foto **SHAIFUDIN MOHD. NOR**



RENCANA UTAMA

ALAT TruPulse digunakan oleh arboris untuk mengukur tahap ketinggian pokok.

Menilai kesihatan, kecederaan pokok

STRUKTUR batang pokok yang telah dimakan anai-anai.

KERJA memangkas, memulihara dan merawat kesihatan pokok merupakan kepakaran Persatuan Arboris Malaysia.

Persatuan Arboris Malaysia mempunyai pengamal arborikultur mahir dalam penyelenggaraan dan rawatan kesihatan pokok hutan bandar



ZARINA

INSIDEN kenderaan dihempap pokok atau dahan patah yang membabitkan kemalangan jiwa saban hari mengundang rasa sedih dalam diri **Zarina Mohamad Napiah**.

Pada Ogos lalu seorang lelaki yang dalam perjalanan pulang ke pejabatnya selepas menghantar barang, maut dihempap sebatang pokok sebesar pemeluk yang tumbang akibat angin kencang di Jalan Masjid, Muadzam Shah, Pahang.

Ternyata, insiden seperti itu membuat Zarina, 42, yang bekerja sebagai Perunding Seni Bina Landskap di salah sebuah syarikat swasta terkesan pada dirinya.

Rentetan itu, beliau merasakan penting untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai pokok dan tumbuhan-tumbuhan hijau.

Secara umum kerjayanya tertumpu mereka bentuk persekitaran luaran seperti susun atur landskap dan tumbuhan hijau di tempat yang sesuai.

Hari demi hari, pelbagai usaha dilakukan untuk mencari jalan penyelesaian sehinggalah beliau

menyertai Persatuan Arboris Malaysia (PArM) pada tahun 2013. Arboris merupakan individu yang pakar dalam pemuliharaan dan rawatan kesihatan dalaman serta luaran pokok. "Sejak menyertai

PArM, baru saya tahu pokok-pokok ini sebenarnya dijaga dan arboris merupakan watak penting terutama pokok-pokok yang besar di tepi jalan.

"Selain itu juga ia dapat menjadi nilai tambah kepada kerjaya saya sebagai Seni Bina Landskap," jelas bekas graduan Seni Bina Landskap, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Zarina juga seorang yang mahir mengendalikan tumbuhan berkayu terutamanya dari segi pemantauan keadaan, kesihatan, perubatan dan spesies yang boleh ditanam di sesebuah kawasan.

"Jika sebelum ini, saya hanya tahu tentang reka bentuk dan susun atur landskap secara luaran sahaja.

"Namun, ilmu yang diperoleh daripada PArM sebagai arboris, memberi pengetahuan baharu tentang pokok dan status kesihatannya," kata ibu kepada tiga orang anak itu.

PArM merupakan organisasi bukan kerajaan ditubuhkan pada tahun 2006 yang mempunyai pengamal arborikultur mahir dalam penyelenggaraan dan pengurusan pokok hutan bandar.

Selain itu, PArM dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) telah membina garis panduan Standard Malaysia bagi pemangkasan pokok untuk kegunaan pekerja dalam industri pengurusan pokok.

Pada peringkat awal, PArM ditubuhkan dengan kekuatan ahli seramai 30 orang yang mempunyai semangat tentang kepentingan penjagaan pokok di landskap bandar.

Menurut **Presiden PArM, Roslan Yaacob**, kini PArM telah mempunyai 109 arboris di seluruh Malaysia yang mempunyai sijil bertauliah.

Katanya, untuk menjadi seorang

arboris bertauliah harus lulus peperiksaan akreditasi kendalian Persatuan Arborikultur Antarabangsa (ISA) yang berpangkalan di Amerika Syarikat serta kompeten menilai tahap bahaya pokok.

Pemegang Ijazah Perhutanan UPM itu menjelaskan, setiap arboris yang bertauliah mestilah mengetahui dan memahami keseluruhan ciri-ciri dan sifat pokok melalui 10 subjek.

Bertauliah

"Antaranya ia melibatkan pengurusan tanah, pengecaman dan pemilihan pokok, penanaman, biologi pokok, keselamatan pekerja, pemangkasan pokok, diagnosis dan rawatan penyakit, hutan bandar serta pengurusan risiko pokok.

"Malah setiap arboris yang bertauliah perlu memahami fisiologi setiap jenis tumbuhan secara mendalam sebelum memulakan proses rawatan," katanya yang telah lebih 23 tahun terlibat dalam bidang perhutanan.

Bekas Pegawai Penyelidik, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu menjelaskan, ramai beranggapan setiap pokok besar di tepi jalan harus perlu ditebang jika ia sudah tua walaupun tujuan asalnya ditanam sebagai tempat teduhan.

Tegasnya, anggapan itu tidak wajar sama sekali kerana Malaysia mempunyai arboris yang bertauliah dan mereka boleh bantu membuat penilaian terhadap kesihatan dan kecederaan pokok terbabit secara terperinci sebelum cadangan penebangan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Jika dilihat dari segi pembangunan, Roslan berkata, kaedah perlindungan pokok yang betul dengan mengambil kira Zon Akar Kritisikal supaya dapat memelihara pokok terletak berhampiran kawasan projek.

MENGETUK batang menggunakan tukul adalah salah satu kaedah bagi mengenal pasti tahap kesihatan pokok dengan mengesan bunyi.



Headline	Menilai kesihatan, kecederaan pokok		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	21T023	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	2309 cm ²
Journalist	MOHDI AIDIL YUSOF	AdValue	RM 59,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 179,766

ZARINA (kiri) mengukur saiz batang pokok menggunakan diameter tape untuk mengetahui kadar pertumbuhan pokok tersebut.



"Ikutkan prinsip arboris, kita mahu selamatkan pokok walaupun yang berpenyakit selagi tidak mendatangkan risiko kepada orang ramai. "Sebab setiap pokok adalah aset hidup dan bernilai tinggi jika usianya mencecah ratusan tahun. Apatah lagi sekiranya pokok itu diwartakan dalam aset warisan," jelas bapa kepada tiga orang anak itu.

Keselamatan

Baru-baru ini pihak Sekretariat Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dengan wakil-wakil PBT Selangor bersama PArM telah menghasilkan Polisi Pengurusan dan Pemuliharaan Pokok Negeri Selangor yang membabitkan polisi pokok.

Roslan berkongsi pengalamannya yang merawat 11 batang Pokok Heritage yang terdapat di belakang Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Beliau diberi kepercayaan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk melihat keadaan pokok berkenaan seperti dahan mati, reput dan daunnya.

"Selepas membuat penilaian risiko dan tahap keseimbangan, saya melakukan pemangkasan dengan membuang dahan yang tidak diperlukan termasuk membersihkan tumbuhan memanjat serta mengorek tanah ke akar untuk diberi vitamin.

"Cabarannya ialah pokok-pokok ini terletak di tempat pelancongan iaitu River of Life (ROL). Kemudahan seperti tempat duduk, tembok, bingkai kaca dan sungai adalah tanggungjawab saya untuk memastikan ia tidak mengalami kerosakan," tuturnya.

Pihak DBKL telah mengambil langkah proaktif terhadap persekitaran pembangunan ROL terutamanya terhadap rawatan kepada Pokok Heritage demi keselamatan orang awam.

Selain itu, Roslan berkata, Kementerian Sumber Manusia dalam perancangan untuk menawarkan kursus pengajian Diploma Kemahiran Malaysia

Operasi Arborikultur (DKMOA) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Operasi Arborikultur (DLKMO) Tahap 5.

"Kursus itu dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian, Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan menyediakan modul berkaitan.

"PArM pula berperanan dalam menggalas tanggungjawab sebagai tenaga pengajar kursus-kursus terbabit," ujarnya.

Jelas Roslan, tujuan pengajian itu dilaksanakan adalah usaha pihak kerajaan bagi memberi pengiktirafan kepada individu yang mempunyai kemahiran dalam industri pokok.



AHMAD SAFID

Sementara itu, seorang arboris yang pakar dalam bidang serangga perosak, **Dr. Ahmad Safid Sajap** berkata, bagi memastikan struktur pokok-pokok tersebut tidak dijangkiti serangga perosak kerja-kerja merawat pokok digalakkan dilakukan pada peringkat awal.

Antaranya yang berbahaya adalah serangga perosak seperti anai-anai jenis *Coptotermes* berwarna putih dan tidak mempunyai busut, selain dikulat.

"Anai-anai ini akan masuk melalui tanah dan menyerang terus ke akar sehingga ke dalam dahan-dahan pokok.

"Selepas itu kesannya adalah dahan-dahan pokok kelihatan kurus dan mereput daunnya bertukar warna kuning," ujarnya.

Mantan Profesor Entomologi, Fakulti

Perhutanan, UPM itu berkata, faktor lain adalah wujudnya tumbuhan tumpang seperti duit-duit dan paku-pakis ke atas pokok yang tidak dirawat.

Walaupun ia bukan tumbuhan parasit tetapi pokok duit-duit berupaya mengumpulkan bahan asing yang menjadi punca kelembapan di sekitar kulit pokok berkenaan.

"Apabila berlaku kelembapan tinggi, ia mempercepatkan proses pereputan pada dahan utama pokok.

Pereputan

"Sekiranya dibiarkan ia merebut, risikonya adalah mengundang kepada risiko dahan patah yang boleh mendatangkan ancaman kepada orang awam yang berteduh di sekitar pokok itu," katanya.

Ahmad Safid menambah, oleh itu rawatan awalan perlu dititik-beratkan oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga pokok-pokok tersebut.

"Ini kerana pokok di tepi jalan mempunyai sasaran iaitu orang awam, sekolah dan perhentian bas.

"Impaknya jika tidak berbuat demikian, pemilik tanah atau PBT yang menguruskan kawasan berkenaan perlu bertanggungjawab terhadap sebarang insiden yang berlaku," katanya.

Bagaimanapun, kehadiran arboris bukan semata-mata untuk menebang tetapi memulihara pokok.

RENCANA UTAMA

POKOK-POKOK besar hutan bandar tidak digalakkan untuk ditebang sekiranya rosak sebelum membuat rawatan.

INFO Persatuan Arboris Malaysia

- Lokasi: Institut Penyelidikan Perhutanan dan Produk Hutan, UPM
- Ditubuhkan pada tahun 2006
- Dibarisi tenaga mahir arborikultur (arboris)
- Mempunyai 109 ahli
- Pengendali latihan kursus sijil ISA
- Antara program: Penanaman pokok bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Seri Kembaran, Selangor
- Polisi Pengurusan dan Pemuliharaan Pokok Negeri Selangor
- Pameran Landskap Asia 2018
- Telefon: 03-8947 1881
- Facebook: Persatuan Arboris Malaysia
- YouTube: Persatuan Arboris Malaysia
- Laman web: www.parm.com.my